Judge Datin Rohani Ismail meted out the sentence on ex-soldier Mohammad Abdullah Mohamed, 41, after the defence failed to raise a reasonable doubt against the prosecution's case.

He was charged with killing Nur Aina Nabihah at a house in Jalan Vista Jaya 5, Taman Vista Jaya, Lukut, Port Dickson between 8.30pm and 11.30pm on Jan 31, 2018.

The charge, framed under Section 302 of the Penal Code, carries the mandatory death sentence, upon conviction.

Judge Rohani said that the entire defence case rested on mere denial.

"The court, therefore, sentences you to death by hanging on a date to be decided later," she said.

The prosecution was conducted by deputy public prosecutors Sharifah Maleeha Syed Hussin and Ala'uddin Baharom, while the accused was represented by a team of two lawyers.

Earlier during the prosecution's case, Sharifah Maleeha submitted that Mohammad Abdullah's cruel actions caused his daughter to sustain severe injuries on her abdomen and that he even kicked and stepped on her, causing her death.

"There were 32 visible bruises and numerous internal injuries on the victim, especially on her head, neck and abdomen. The autopsy also showed internal haemorrhages as a result of trauma to the liver, pancreas and kidneys.

"This little girl was mercilessly stepped on and kicked by her own father who is supposed to protect, care for and love his children," she said.

During mitigation, the accused's lawyers requested a minimum sentence for their client, effective from the date of his arrest.

Nineteen prosecution witnesses testified throughout the trial, which started in 2018.
— Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | EX-SOLDIER TO HANG FOR KILLING DAUGHTER | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 23 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Ex-soldier to hang for killing daughter

**SEREMBAN:** The father who abused his nine-year-old daughter to death was sent to the gallows by the High Court here after he was found guilty of the offence committed five years ago.

Justice Rohani Ismail meted out the sentence on ex-soldier Mohammad Abdullah Mohamed, 41, after his defence failed to raise a reasonable doubt against the prosecution's case.

He was accused of killing Nur Aina Nabihah at a house in Jalan Vista Jaya 5, Taman Vista Jaya, Lukut, Port Dickson, between 8.30pm and 11.30pm on Jan 31, 2018, and charged under Section 302 of the Penal Code, which carries the mandatory death sentence upon conviction.

Justice Rohani said the entire defence case rested on mere denial.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com

"The court, therefore, sentences you (Mohammad Abdullah) to death by hanging on a date to be decided later," she said yesterday, Bernama reported.

The prosecution was conducted by deputy public prosecutors Sharifah Maleeha Syed Hussin and Ala'uddin Baharom, while the accused was represented by a team of two lawyers.

Earlier, during the prosecution's case, Sharifah Maleeha submitted that Mohammad Abdullah's cruel actions caused his daughter to sustain severe injuries on her abdomen and that he even kicked and stepped on her, causing her death.

"There were 32 visible bruises and numerous internal injuries on the victim, especially on her head, neck and abdomen. The autopsy also showed internal haemorrhages as a result of trauma to the liver, pancreas and kidneys.

"This little girl was mercilessly stepped on and kicked by her own father ... who is supposed to protect, care for and love his children," she said.

During mitigation, the accused's lawyers requested a minimum sentence for their client, effective from the date of his arrest.

Nineteen prosecution witnesses testified throughout the trial, which started in 2018.



**To the gallows:** Mohammad Abdullah (centre) being led out of court after sentencing by the High Court in Seremban. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LOSING HUBBY'S INSURANCE MONEY | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 23 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 14 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Losing hubby's insurance money

## Widow falls for parcel scam, over RM200,000 gone within two weeks

By NELSON BENJAMIN
nelson@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** A housewife who lost her husband to Covid-19 two years ago had her heart shattered again when her supposed online lover scammed her of her late husband's insurance money.

She had befriended the man online last month.

The man, who claimed that he was from Jordan but now working in the UK, wanted to send her gifts to symbolise their friendship, said police sources.

Days later, the woman received a call from a man claiming to be from a courier company who wanted to deliver some expensive items to her.

It is learnt that the courier agent told the housewife that she must pay for the delivery charges and other costs.

Within two weeks, she carried out almost 20 transactions exceeding RM200,000.

According to sources, the woman became suspicious when the courier agent started to harass her for more money.

It is learnt that the woman, who was unable to contact her lover, told a relative who advised her to lodge a police report.

In another scam, a woman in her 60s from Kota Tinggi got a call from a courier agent claiming that she had a parcel with suspicious content.

The woman was immediately connected to a "policeman" who wanted to file a report against her, said police sources.

It is learnt that the woman was threatened by several "policemen" of various ranks, who accused her of being involved in smuggling.

The suspects duped the woman into believing that she was a victim of identity theft and wanted her to transfer her life savings of almost RM220,000 to other accounts for safekeeping.

"They assured her that the money would be returned to her once they wrapped up their investigations," the sources said.

The woman decided to lodge a report after waiting almost a month with no update from the so-called police officers. She could not contact them either.

Meanwhile, another woman in her 50s lost almost RM200,000 in a phone scam several days ago.

It is learnt that she had received a text message saying that her credit card was used to make a purchase of at least RM3,000.

"When the woman made an enquiry via the number provided in the SMS, she was told that her card was used to make some purchases in Kuala Lumpur.

"She was then connected to a supposed Bank Negara official and also a policeman who wanted her bank account details," the sources said.

Within days, all the money in her account was transferred out.

She then lodged a police report.

A police official confirmed all the three cases and said investigations were being carried out under Section 420 of the Penal Code for cheating.

The official advised the public to be cautious when contacted by people posing as courier company agents, who would also transfer the call to supposedly enforcement officers from the police or Bank Negara.

The public can call the police hotline at 07-221 2999 for assistance.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 80 KANAK-KANAK WARGA ASING AKAN DIPINDAHKAN DARI DEPOH TAHANAN IMIGRESEN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**APA KHABAR?:** Saifuddin Nasution beramah mesra dengan pengurusan tertinggi Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada Perhimpunan Bulanan Kementerian Dalam Negeri di Putrajaya, semalam. — Gambar Bernama

# 80 kanak-kanak warga asing akan dipindahkan dari depoh tahanan imigresen

**PUTRAJAYA:** Sebanyak 80 kanak-kanak warga asing yang kini berada di depoh tahanan imigresen akan dipindahkan ke sebuah pusat penjagaan yang lebih kondusif dalam projek rintis yang akan dilaksanakan tidak lama lagi, kata Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail.

Beliau berkata kerja-kerja penyediaan pusat penjagaan berkenaan di sebuah lokasi yang telah dikenal pasti sedang giat dijalankan dan hanya beberapa penambahbaikan yang sedang dilaksanakan termasuk penyediaan logistik asas seperti bekalan air dan elektrik serta tempat tidur.

"Kanak-kanak yang bakal dipindahkan itu kini berada di depoh tahanan sementara Semenyih, Bukit Jalil dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ... mereka yang dipindahkan termasuk penjaga atau ibu bapa mereka," katanya dalam sidang media selepas menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Dalam Negeri (KDN) di sini semalam.

Beliau berkata inisiatif pusat penjagaan berkenaan dilaksanakan di bawah Jabatan Imigresen dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) kerana melibatkan aspek kawalan dan penjagaan.

Saifuddin Nasution berkata pelaksanaan projek itu bagaimanapun tidak melibatkan sebarang penambahan anggota kerana penugasan akan disesuaikan dalam kalangan pegawai sedia ada, serta melibatkan kos pelaksanaan yang minimum.

"Kami berharap langkah ini akan mendapat dukungan juga daripada masyarakat sivil yang lain," katanya yang mengalu-alukan penglibatan badan bukan kerajaan (NGO) untuk membantu terutamanya dari segi pendidikan.

Terdahulu dalam ucapannya, Saifuddin Nasution menggesa Jabatan Imigresen supaya mendapatkan mesin pencetak pasport berkapasiti tinggi bagi mengurangkan kesesakan di pejabat pengeluaran pasport.

"Hanya kira-kira 400 pasport dikeluarkan oleh pejabat pengeluar setiap hari dan jumlah itu harapnya dapat ditingkatkan kepada 1,000 cetakan pasport sehari.

"Kalau yang hadir itu nombor gilirannya 401 dan kena datang semula esok, siapa yang tidak marah," katanya. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAPA KE TALI GANTUNG DERA ANAK HINGGA MATI | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bapa ke tali gantung dera anak hingga mati

## Anak kandung parah di beberapa bahagian abdomen selain dipijak serta ditendang sehingga maut

**SEREMBAN:** Seorang bapa dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi di sini semalam selepas dia didapati bersalah mendera anak perempuannya sehingga mati, lima tahun lepas.

Hakim Datin Rohani Ismail menjatuhkan hukuman itu terhadap Mohammad Abdullah Mohamed, 41, selepas pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.

Mohammad Abdullah yang merupakan bekas anggota tentera dituduh membunuh Nur Aina Nabihah yang berusia sembilan tahun ketika kejadian, di sebuah rumah di Lukut, Port Dickson antara 8.30 malam hingga 11.30 malam, 31 Jan 2018.

Dia didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman mati jika sabit kesalahan.

Hakim Rohani berkata secara keseluruhannya, keterangan yang diberikan dalam pembelaan mendapati ia hanyalah penafian semata-mata.

"Mahkamah dengan ini menjatuhkan hukuman mati ke atas kamu (Mohammad Abdullah) yang kamu diperintahkan digantung di leher sehingga mati pada tarikh yang ditetapkan kelak," katanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Sharifah Maleeha Syed Hussin dan Ala'uddin Baharom, manakala tertuduh diwakili dua peguam.

Terdahulu, Sharifah Maleeha menyatakan kepada mahkamah bahawa tindakan kejam Mohammad Abdullah menyebabkan mangsa mengalami kecederaan parah di beberapa bahagian abdomen selain tertuduh tergamak memijak serta menendang anak kandung itu sehingga maut.

"Terdapat 32 kecederaan luaran dan pelbagai kecederaan dalaman si mati, terutamanya di bahagian kepala, leher dan abdomen. Pemeriksaan juga mendapati terdapat banyak pendarahan dalam abdomen disebabkan kesan luka di hati, pankreas dan ginjal.

"Kanak-kanak perempuan ini dipijak dan ditendang oleh bapa kandungnya sendiri, perbuatan ini tanpa belas kasihan... di mana sifat seorang ayah yang sepatutnya melindungi, menjaga dan memberikan kasih sayang kepada anak-anaknya," katanya.

Peguam tertuduh pula memohon hukuman penjara paling mininum diberikan kepada anak guamnya bermula pada tarikh dia ditangkap.

Seramai 19 saksi pendakwaan memberi keterangan dalam perbicaraan kes itu. — Bernama



**DIDAPATI BERSALAH:** Mohammad Abdullah dijatuhi hukuman gantung sampai mati oleh Mahkamah Tinggi di Seremban semalam selepas dia didapati bersalah mendera anak perempuannya sehingga mati, lima tahun lepas. — Gambar Bernama

> "Mahkamah dengan ini menjatuhkan hukuman mati ke atas kamu (Mohammad Abdullah) yang kamu diperintahkan digantung di leher sehingga mati pada tarikh yang ditetapkan kelak."

**Datin Rohani Ismail**
*Hakim*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FESTIVAL KANAK-KANAK DI PUSTAKA SIBU PADA 2 DAN 3 SEPTEMBER | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Festival kanak-kanak di Pustaka Sibu pada 2 dan 3 September

**SIBU:** Pustaka Negeri Sarawak, Sibu akan mengadakan program Sarawak Children Festival pada 2 dan 3 September 2023 ini.

Program akan bermula dari jam 9 pagi hingga 5 petang bertempat di Pustaka Sibu.

Program ini diadakan adalah untuk meraikan kanak-kanak termasuk kanak-kanak istimewa kelainan upaya supaya tidak ketinggalan dalam setiap program dan aktiviti yang dianjurkan.

Dalam masa yang sama, orang ramai yang hadir dapat menemui minat mereka sekaligus menjadi sebagai salah satu platfom bagi melahirkan generasi yang berilmu dan berinovasi.

Di samping itu, kanak-kanak turut didedahkan dengan fungsi perpustakaan yang bukan hanya tempat untuk membaca, meminjam dan memulangkan buku semata-mata, tetapi juga merupakan sebuah tempat untuk menerokai teknologi baharu serta meningkatkan kreativiti mereka dengan aktiviti-aktiviti secara 'hands-on' yang disediakan.

Pelbagai aktiviti yang menarik disediakan seperti pameran, persembahan, sesi bercerita, aktiviti Makers dan STEM dan banyak lagi.

Penyertaan adalah percuma.

Selain itu, para pengunjung dijemput untuk singgah membeli juadah makanan dan minuman di gerai-gerai daripada pelbagai peniaga tempatan yang beroperasi di tempat letak kenderaan semasa program tersebut.

Untuk keterangan lanjut, sila berhubung dengan pegawai seranta Fiona Ravia Asing di talian 084-315 200 (sambungan 221) atau e-mel fionarav@sarawak.gov.my.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KPM SIASAT KE PELAJAR OKU DIBULI GURU | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# KPM siasat kes pelajar OKU dibuli guru

**SHAH ALAM:** Kementerian Pendidikan (KPM) sedang menjalankan siasatan secara menyeluruh berkenaan aduan seorang pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) yang dibuli oleh gurunya di sekolah.

Menterinya Fadhlina Sidek berkata semua pihak termasuk sekolah yang terlibat sudah dikenal pasti dan pelbagai pihak dilibatkan untuk memastikan isu itu dilihat secara menyeluruh.

"Insya-Allah kami akan tangani mengikut proses kerja… setakat ini kes dalam siasatan dan kami akan pastikan proses itu berlangsung dengan baik," katanya kepada media selepas majlis pelancaran Laporan Tahunan 2022 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 KPM, di sini semalam.

Kelmarin media tempatan melaporkan, seorang pelajar perempuan OKU di bawah Program Pendidikan Khas Integrasi di sebuah sekolah didakwa sering dibuli seorang guru wanita sehingga mengalami trauma.



**TERTARIK:** Fadhlina (kanan) bersama timbalannya Lim Hui Ying melihat buku Laporan Tahunan 2022 Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 selepas pelancarannya di Pustaka Raja Tun Uda, dekat Shah Alam, semalam. — Gambar Bernama

Pada masa yang sama, Fadhlina meminta orang ramai untuk menggunakan semua saluran yang disediakan seperti Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA) dan platform media sosial kementerian untuk membuat aduan berkenaan kes buli atau aduan umum lain.

"Kami nak jemput masyarakat untuk menggunakan saluran yang betul supaya kami dapat tangani semua isu dengan lebih efisien dan efektif berdasarkan proses dan alur kerja kita," katanya.

Dalam pada itu, mengenai rungutan ibu bapa bahawa silibus ketika ini dilihat susah dikuasai para murid, Fadhlina berkata KPM melihat isu itu dengan serius.

"Untuk itu, sesi libat urus berkenaan kurikulum sekolah akan diadakan melibatkan semua pihak sebagai persediaan bagi penukaran silibus baharu yang biasanya dibuat setiap 10 tahun sekali dan silibus baharu seterusnya akan dilaksanakan pada 2027," katanya.

Namun katanya, ibu bapa harus diberi pemahaman bahawa soalan-soalan di sekolah hanya melibatkan lima peratus soalan yang memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi.

"Kita kena adil kerana ada anak-anak yang mempunyai kemahiran sedikit tinggi berbanding rakan-rakan lain, jadi lima peratus soalan itu untuk anak-anak yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi ini manakala soalan yang lain itu boleh mereka kuasai mengikut peringkat umur mereka," katanya. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | LELAKI WARGA EMAS JUMPA ULAR SAWA BATIK KEKENYANGAN SELEPAS TELAN DUA EKOR AYAM MILIKNYA | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Lelaki warga emas jumpa ular sawa batik kekenyangan selepas telan dua ekor ayam miliknya

**MIRI:** Seorang lelaki warga emas terkejut apabila menemui seekor ular sawa batik sepanjang dua meter yang sedang kekenyangan setelah "bersarapan" seekor ayam di sebuah reban berhampiran rumahnya di Taman Shangrila, Jalan Bakam di sini.

Kejadian itu hanya disedarinya ketika hendak memberi makan kepada ayam ternakannya awal pagi semalam.

Bimbang akan keselamatan diri dan keluarga, pengadu yang berusia 66 tahun kemudian segera menghubungi talian kecemasan Pusat Kawalan Operasi Daerah (PKOD) Miri untuk meminta bantuan menangkap ular itu.

Sementara itu jurucakap Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Miri ketika mengesahkan kejadian itu berkata, pihaknya telah menerima panggilan berhubung penemuan reptilia tersebut sekitar jam 7.02 pagi.

Berikutan itu katanya, seramai empat anggota APM telah bergegas ke lokasi yang terletak di Taman Shangrila, Jalan Bakam di sini dan berjumpa pengadu untuk bertanyakan tentang keberadaan ular tersebut.

"Pengadu memberitahu ketika hendak memberi makan ayam ternakannya awal pagi ini, dia mendapati seekor ular sawa batik berada di dalam sebuah reban dalam keadaan kekenyangan setelah menelar seekor ayam berdasarkan bentuk benjolan pada fizikal ular tersebut.

"Anggota bertugas kemudian memeriksa sebuah reban yang dinyatakan dan mendapati seekor ular sawa batik sebesar lengan orang dewasa dan sepanjang dua meter masih berada di dalam reban itu," katanya.

Berikutan itu katanya, reptilia tersebut kemudian ditangkap menggunakan peralatan khas sebelum dilepaskan semula ke habitat asal.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PERTANDINGAN 3R FESYEN SEMPENA SARAWAJ CHILDREN FESTIVAL, 3 SEPT | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pertandingan 3R Fesyen sempena Sarawak Children Festival, 3 Sept

**SIBU:** Pustaka Negeri Sarawak, Sibu akan mengadakan program Pertandingan 3R Fesyen bersempena Sarawak Children Festival 2023 yang akan berlangsung pada 3 September ini.

Program tersebut dijadual bermula pada jam10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari di Pustaka Sibu.

Objektif penganjuran pertandingan ini adalah untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk memperagakan pakaian mereka yang diperbuat dari barangan terpakai atau bahan kitar semula.

Penyertaan terbuka kepada kanak-kanak yang berusia empat hingga 12 tahun dan hanya terhad kepada 20 peserta sahaja.

Hadiah dan sijil penyertaan disediakan kepada para pemenang dan pendaftaran adalah percuma.

Borang pendaftaran dan maklumat pertandingan bagi pertandingan 3R Fesyen ini boleh didapati melalui kod QR yang telah disediakan di dalam poster.

Tarikh tutup penyertaan bagi pendaftaran adalah pada 28 Ogos ini dan untuk keterangan lanjut boleh berhubung dengan Mas Azreena dan Azharulnizam di talian 084-315 200 (sambungan 223).




**JOM SERTAI: Pustaka Negeri Sarawak, Sibu akan adakan program Pertandingan 3R Fesyen pada 3 September ini.**

TAJUK : PESAKIT BATUK KOKOL DINASIHAT JALANI KUARANTIN

HARI : RABU | AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 23 OGOS 2023 | M/SURAT : 08

TONE : NEUTRAL | SEKTOR : KPWKM

# Pesakit batuk kokol dinasihat jalani kuarantin

## Kumpulan yang berisiko dijangkiti penyakit tersebut ialah kanak-kanak berusia kurang 12 tahun

**KUALA LUMPUR:** Individu yang didiagnosis jangkitan pertussis atau batuk kokol perlu diisolasi atau dikuarantin bagi mengelak penyakit berkenaan merebak dalam kalangan masyarakat terutama kanak-kanak.

Pakar epidemiologi Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Dr Malina Osman berkata kumpulan berisiko dijangkiti penyakit tersebut adalah kanak-kanak berusia kurang 12 tahun manakala gejala lebih teruk berlaku dalam kalangan bayi dan kanak-kanak berumur bawah lima tahun.

"Penyakit ini lebih tinggi risiko sekiranya dijangkiti dalam kalangan kanak-kanak yang belum atau tidak mengambil vaksin pertussis. Kanak-kanak yang belum divaksin (masih sihat) disyorkan tidak terdedah kepada persekitaran berisiko untuk tempoh lima hari hingga maksimum 21 hari.

> "Penyakit ini lebih tinggi risiko sekiranya dijangkiti dalam kalangan kanak-kanak yang belum atau tidak mengambil vaksin pertussis. Kanak-kanak yang belum divaksin (masih sihat) disyorkan tidak terdedah kepada persekitaran berisiko untuk tempoh lima hari hingga maksimum 21 hari."
>
> **Prof Madya Dr Malina Osman**
> *Pakar epidemiologi UPM*

"Batuk kokol ini kebiasaannya mengambil masa satu atau dua minggu (untuk muncul) selepas seseorang itu terdedah kepada punca jangkitan dan ada tiga fasa. Pada permulaan pesakit akan mengalami demam, selesema biasa berlarutan, selepas itu batuk teruk, berulang dan susah bernafas seterusnya bunyi batuk yang nyaring," katanya ketika dihubungi Bernama.

Beliau berkata sekiranya batuk kokol menjangkiti bayi berusia kurang setahun, bayi tidak akan mengalami batuk, namun kebiasaannya akan menunjukkan gejala kurang bermaya dan tiba-tiba menjadi biru disebabkan mengalami masalah pernafasan.

"Apa berlaku, pertussis ini ada bakteria penyebab (Bordetella pertussis) yang mengeluarkan toksin mengakibatkan kerosakan sel pada saluran pernafasan, jadi apabila berlaku jangkitan biasanya ada kahak yang ingin dikeluarkan tetapi tidak boleh disebabkan sel tersebut rosak.

"Oleh itu, badan kita akan beralih kepada batuk dan cuba keluarkan kahak dengan begitu sukar sehingga menyebabkan seseorang itu boleh muntah. Kanak-kanak pula akan mendapat apnea iaitu pernafasan tiba-tiba terhenti dan sekiranya berlaku dengan kerap boleh menyebabkan kematian," katanya.

Beliau berkata, penyakit berkenaan ditularkan melalui titis rembesan batuk dan bersin melalui udara atau kontak langsung cecair nasal (hingus), air liur atau air mata manakala toksin dikeluarkan bakteria tersebut merosakkan sel paru-paru dan menyebabkan kahak atau rembesan daripada paru-paru gagal dikeluarkan.

Sementara itu, Pakar Pengurusan Risiko Keselamatan dan Kesihatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Madya Dr Shamsul Bahari Shamsudin berkata selain kaedah kuarantin, usaha mencegah kadar penyebaran batuk kokol adalah menerusi pendekatan bekerja dari rumah.

Beliau berkata, kaedah itu perlu diadaptasi di peringkat industri apabila terdapat pekerja mengalami gejala melibatkan saluran respiratori dan demam bagi mencegah penularan penyakit tersebut terutama kepada individu mempunyai imunisasi lemah.

"Apa-apa penyakit berkaitan saluran pernafasan perlu diberi perhatian. Apabila merasakan diri tidak sihat, demam, batuk, selesema atau ada gejala seperti batuk kokol yang dinyatakan, maka elakkan diri daripada mempunyai hubungan langsung dengan individu lain," katanya.

Menurutnya penjaga pesakit terutamanya bagi kanak-kanak yang dijangkiti perlu diberi layanan sama seperti perlu dikuarantin atau bekerja dari rumah kerana telah ada kontak secara langsung dengan pendedahan bakteria tersebut.

Beliau turut mencadangkan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk mengoptimumkan aplikasi MySejahtera dalam usaha berkongsikan maklumat tentang penyakit tersebut dengan rakyat.

"Perkongsian maklumat kes jangkitan semasa, risiko penularan jangkitan, kawasan berisiko, status vaksinasi pertussis serta maklumat berkaitan harus dilakukan dengan berterusan. Aktifkan semua kaedah pemantauan dan pelaksanaan SOP (prosedur operasi standard) di kawasan jangkitan," katanya.

Pada Sabtu lepas, Jabatan Kesihatan Pahang mengesahkan satu kes jangkitan pertussis melibatkan seorang ibu serta dua anaknya di Kampung Bahagia, Rompin, dan keadaan adalah terkawal. — Bernama

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SAR WARGA EMAS HILANG DIKHUATIRI DIBAHAM BUAYA BELUM TEMUI PETUNJUK BAHARU | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**DIPERLUAS:** Pasukan SAR meneruskan operasi mencari di perairan semalam.

# SAR warga emas hilang dikhuatiri dibaham buaya belum temui petunjuk baharu

**LIMBANG:** Operasi mencari dan menyelamat (SAR) seorang warga emas, Sahari Mail, 66, yang masih hilang dikhuatiri dibaham buaya di Kampung Ulak, memasuki hari kelima semalam belum menemui petunjuk baharu sejak dilancarkan Jumaat lepas.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Limbang Leftenan (PA) Mirwan Shah Masri berkata, operasi SAR terdiri daripada Angkatan Pertahanan Awam (APM), polis, bomba, RELA dan penduduk kampung diperluaskan ke kawasan sungai hingga ke bandar semalam.

"Pencarian di air operasi SAR hari ini (semalam) akan diperluaskan lagi hingga ke kawasan bandar.

"Sarawak Forestry Corporation (SFC) juga memaklumkan akan memasang dua lagi umpan tambahan hari ini (semalam) untuk menjerat buaya," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, operasi SAR membabitkan anggotanya bergerak ke lokasi kejadian menggunakan sebuah bot pada jam 7.50 pagi dan operasi SAR di perairan dimulakan jam 9 pagi semalam.

Pada Khamis lepas mangsa yang kali terakhir dilihat keluar pada jam 8.30 pagi memakai baju bewarna biru dan seluar panjang berwarna coklat serta berkasut sebelum dilaporkan tidak pulang ke rumah.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA DIDENDA RM2,900 KERANA SALAH GUNA DADAH | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita didenda RM2,900 kerana salah guna dadah

**KUCHING:** Mahkamah Majistret di sini semalam menjatuhkan hukuman denda RM2,900 atau penjara sembilan bulan ke atas seorang wanita berusia 35 tahun selepas dia mengaku bersalah menyalahgunakan Amphetamine dan Methamphetamine pada tahun lepas.

Ng Siew Lan membuat pengakuan itu di hadapan Majistret Mason Jaro Lenya Barayan yang turut memerintahkan beliau menjalani dua tahun pengawasan.

Dia didakwa mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952, boleh dihukum mengikut Seksyen 15(1) akta sama, yang membawa hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda tidak melebihi RM5,000 dan diletakkan di bawah pengawasan segera untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun.

Berdasarkan fakta kes, air kencingnya disahkan positif dadah jenis Amphetamine dan Methamphetamine, yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

Kes didakwa oleh Inspektor Merylene Lindan Andrew Mang manakala Ng tidak diwakili peguam bela.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA HARUS SERTAI KURSUS TINGKAT KEMAHIRAN, TAMBAH PENDAPATAN | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita harus sertai kursus tingkat kemahiran, tambah pendapatan

**SRI AMAN:** Kaum wanita harus menyertai pelbagai kursus anjuran agensi kerajaan sebagai cara untuk meningkatkan kemahiran diri sekali gus menambah pendapatan keluarga.

Pegawai Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) Daerah Lubok Antu Marinda Stewart Thaim berkata, Jabatan KEMAS sendiri turut menyediakan pelbagai program kaum wanita.

"Antaranya, kursus masakan dan kursus kraf tangan yang antara lain bertujuan untuk membantu wanita menambah pendapatan mereka serta keluarga.

"Sasaran kita adalah golongan suri rumah sepenuh masa yang diyakini mampu menjana pendapatan menerusi hasil yang berada di sekeliling mereka," ujarnya.

Beliau berkata demikian pada majlis penutupan Kursus Kemahiran Jangka Pendek (KKJP) Seni Tangan – 'Soft Toys' anjuran Jabatan KEMAS Daerah Sri Aman di Kompleks Tabika Komta, dekat sini kelmarin.




**SELESAI KURSUS:** Marinda (duduk, dua kanan), Rosani (duduk, kiri) merakamkan kenangan bersama peserta dan 'soft toys' yang dihasilkan daripada kursus berkenaan.

Marinda menambah, ramai usahawan kecil-kecilan di daerah ini yang telah Berjaya menghasilkan produk masing-masing hasil percambahan ilmu daripada pihak KEMAS.

"Ini sebenarnya yang kita mahukan, ilmu yang pihak kita kongsikan bersama masyarakat akhirnya dikembangkan mereka berjaya menjana pendapatan untuk diri sendiri serta keluarga dan dikongsikan bersama masyarakat sekeliling," katanya.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Pembantu Pembangunan Masyarakat Kanan, Pendidikan Kemahiran di Pejabat KEMAS Sri Aman Rosani Ham serta kakitangan KEMAS yang lain.

Seramai 15 suri rumah menyertai kursus tiga hari terbabit yang berakhir kelmarin.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WARGA EMAS DIDAKWA PUKUL ISTERI GUNA KAYU | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Warga emas didakwa pukul isteri guna kayu

**IPOH:** Seorang warga emas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan mencederakan isterinya dengan menggunakan sebatang kayu, Ahad lepas.

R. Subramanian, 65, yang merupakan pesara Tenaga Nasional Berhad (TNB) didakwa dengan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap isterinya S. Shanta Kumari, 54, dengan menggunakan sebatang kayu di sebuah rumah di Jalan Pertama 4, Taman Pertama di sini, kira-kira 1.14 pagi, 20 Ogos 2023.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 326A Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun atau dengan denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman itu, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Qurratu'aini Khalifah menawarkan jaminan RM10,000 berserta syarat supaya bapa tiga anak itu tidak mengganggu saksi.

Bagaimanapun peguam Dayang Nor Emilia Azman Shah yang mewakili Subramanian merayu jaminan minimum dikenakan kerana tertuduh tidak mempunyai pendapatan tetap serta kini hanya melakukan kerja-kerja kebun.

Hakim Azizah Ahmad kemudiannya membenarkan tertuduh diikat jamin RM6,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tertuduh tidak boleh mengganggu saksi pendakwaan dan menetapkan 3 Okt depan untuk sebutan semula kes.

Sementara itu di Mahkamah Majistret di sini, seorang lelaki mengaku tidak bersalah atas pertuduhan melakukan ugutan jenayah kepada isterinya S. Premlata, 36, dengan niat hendak menyebabkan ketakutan kepadanya, awal bulan ini.

G. Ganesan, 38, didakwa melakukan perbuatan itu di sebuah rumah di Laluan Maju 9, Taman Idaman Chemor di sini, kira-kira 7.30 malam, 7 Ogos 2023.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Noor Nabilah Norzam tidak menawarkan sebarang jaminan kerana tertuduh merupakan suami kepada mangsa.

Bagaimanapun peguam dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) Nor Izawani Ahmad Jalaludin yang mewakili tertuduh merayu untuk diberikan jaminan kerana Ganesan mempunyai dua anak masing-masing berusia empat dan tujuh tahun, selain kini tidak bekerja kerana masalah kesihatan akibat kemalangan.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM3,000 dengan seorang penjamin serta menetapkan 19 September untuk sebutan semula kes. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WARGA EMAS TERKEJUT JUMPA ULAR TEDUNG SENDUK DI DAPUR | | | |
| HARI | : | RABU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 OGOS 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Warga emas terkejut jumpa ular tedung senduk di dapur

**MIRI:** Seorang wanita warga emas terkejut apabila mendapati seekor ular berada di bawah rak dapurnya dalam kejadian yang belaku di Kampung Bersatu Batu 8, Lambir di sini petang kelmarin.

Berikutan itu, beliau terus menghubungi pihak Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Miri untuk meminta bantuan menangkap ular tersebut.

Sementara itu menurut jurucakap APM Daerah Miri, sebaik menerima panggilan sekitar jam 5.48 petang, sepasukan anggota telah pergi ke lokasi yang terletak di Jalan 3 Kampung Bersatu Batu 8, Lambir.

Setiba di lokasi katanya, anggota bertugas terus berjumpa dengan tuan rumah yang berusia 55 tahun untuk bertanya tentang keberadaan ular itu.

"Wanita terbabit memberitahu kehadiran ular itu hanya disedarinya semasa dia hendak mengemas bahagian dapur rumahnya.

"Setelah memeriksa di bahagian yang dinyatakan, anggota kami mendapati seekor ular tedung senduk bersembunyi di dalam sebuah periuk besar di bawah dapur," katanya.



**BERBISA: Seorang anggota APM menunjukkan seekor ular tedung senduk yang berjaya ditangkap setelah masuk ke bahagian dapur seorang penduduk di Kampung Bersatu Batu 8, Lambir di sini petang kelmarin.**

Ular itu yang dianggarkan sebesar tiga jari orang dewasa dan sepanjang satu meter kemudian ditangkap menggunakan peralatan khas sebelum dilepaskan semula ke habitat asalnya.